

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/1997

April 1997

Masa : [3 jam]

PGT 443 - Pembentukan dan Pengurusan Sumber-Sumber Pendidikan

Arahan :

Soalan ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

Jawab kesemua 50 soalan dalam Bahagian ini dengan menuliskan jawapan anda di ruang kosong yang disediakan pada kertas soalan. Anda diberi masa 1 1/2 jam untuk menjawab bahagian ini. Kertas soalan dengan jawapan akan dipungut setelah tamat masa 1 1/2 jam yang diberikan.

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi 4 soalan. Jawab dua soalan sahaja. Gunakan kertas jawapan yang diberikan untuk menjawab soalan bahagian ini.

...2/-

Angka Giliran : _____

BAHAGIAN A : [Masa 1 1/2 jam]

1. Secara ringkas, berikan definisi Pusat Sumber Pendidikan.

2. Dari aspek proses pengajaran dan pembelajaran, sebuah Pusat Sumber Sekolah ditubuhkan dengan hasrat untuk :

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____
- iv) _____

3. Perbezaan paling asas di antara konsep perpustakaan tradisional dengan Pusat Sumber Pendidikan ialah :

4. Perbezaan asas di antara konsep guru sebagai punca maklumat dengan guru sebagai pengurus pembelajaran ialah :

5. Cogankata "The Wisdom and Freedom of Information Access" bermaksud :

..2/-

6. Berikan 4 perkara yang harus menjadi asas pertimbangan di dalam memilih lokasi bangunan untuk menempatkan sebuah Pusat Sumber Sekolah :

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____
- iv) _____

7. Senaraikan 12 ruang kemudahan-kemudahan yang perlu diwujudkan bagi sebuah Pusat Sumber Pendidikan yang boleh dikatakan lengkap.

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____
- iv) _____
- v) _____
- vi) _____
- vii) _____
- viii) _____
- ix) _____
- x) _____
- xi) _____
- xii) _____

...4/-

8. Apakah perbezaan di antara karek kering dengan karek basah?

9. Berikan 3 sebab mengapa kawasan suhu itu penting bagi sebuah Pusat Sumber Sekolah (PSS).

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____

10. Dari aspek kawalan bunyi, apakah yang anda fahami dengan istilah berikut:

a) Akustik Cerah (bright acoustic) :

b) Akustik Mati (Dead acoustic) :

11. Berikan 3 cara untuk mengawal masalah gema atau pantulan bunyi bagi sebuah bilik rakaman audio.

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____
- iii) _____

12. Di dalam sebuah bilik tayangan, bagi memudahkan penonton menulis/membaca nota dan pada waktu yang sama imej tayangan juga tidak terganggu kejelasannya oleh cahaya tersebut, maka sistem pencahayaan yang paling baik ialah:

13. Apakah fungsi bilik kawalan bagi sebuah bilik rakaman audio?

14. Apakah kebaikan sistem pembesar suara 3 hala (3 way loud speaker)?

15. Secara idealnya, sebuah Pusat Sumber Sekolah haruslah mempunyai 2 jawatankuasa iaitu :

i) _____

ii) _____

16. Secara idealnya, seorang penyelaras Pusat Sumber Pendidikan/Sekolah haruslah memiliki kepakaran berikut :

i) _____ ii) _____

iii) _____

17. Selain daripada kepakaran profesional, seorang penyelaras Pusat Sumber Sekolah perlu memiliki beberapa ciri peribadi bagi membolehkan PSS itu berfungsi secara berkesan dan diterima oleh pelanggannya. Sebutkan 3 ciri peribadi yang dimaksudkan itu.

i) _____ ii) _____

iii) _____

18. Apakah yang dimaksudkan dengan "Pernyataan Polisi Koleksi Bahan-Bahan Pusat Sumber?".

19. Berikan 3 sebab utama MENGAPA pernyataan polisi itu perlu digubal dan dijadikan garis panduan di dalam pembangunan koleksi bahan-bahan Pusat Sumber Sekolah.

i) _____

ii) _____

iii) _____

20. Berikan 3 kriteria pemilihan bahan yang wajar dimuatkan di dalam pernyataan polisi koleksi bahan-bahan Pusat Sumber Sekolah.

i) _____

ii) _____

iii) _____

21. Mengikut Arahan Perbendaharaan Malaysia, pembelian yang bagaimanakah perlu dibuat melalui sebutharga tender?

22. Apakah yang dimaksudkan dengan "Pembelian melalui tender pusat?"

23. Sebutkan 2 syarat utama yang mesti dipatuhi sebelum sesuatu bahan itu boleh diisytiharkan hapuskira.

i) _____

ii) _____

24. Apakah Arahan Perbendaharaan Malaysia berhubung dengan keutamaan pembelian barang-barang tempatan?

25. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah berikut:

a) Bahan bercetak fiksyen : _____

b) Bahan bercetak bukan fiksyen : _____

c) Bahan bercetak berkala : _____

d) Bahan bercetak rujukan : _____

26. Apakah yang dimaksudkan dengan "Alat Pemilihan Bahan?"

27. Berikan 3 contoh Alat Pemilihan Bahan koleksi Pusat Sumber Sekolah :

i) _____

ii) _____

...7/-

28. Berikan sebab utama mengapa "Senarai Semak" untuk pemilihan bahan/perkakasan di Pusat Sumber Sekolah itu penting.

29. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah "Proses Teknik" bagi bahan-bahan/perkakasan koleksi Pusat Sumber?

30. Sebutkan 4 contoh kerja yang dilakukan di dalam "Proses Teknik" itu.

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____
- iv) _____

31. Apakah pengertian "Pengelasan Bahan Koleksi" Pusat Sumber?

32. Mengikut sistem pengelasan Dewey, semua ilmu pengetahuan dibahagikan kepada _____ bahagian yang utama.

33. Mengikut sistem pengelasan Dewey, apakah bidang-bidang ilmu yang diwakili oleh nombor-nombor berikut:

- i) 000 _____
- ii) 400 _____

- iii) 700 _____
- iv) 800 _____
- v) 300 _____

34. Mengikut sistem pengelasan Dewey, sesuatu karya juga diklasikan mengikut bentuk sesebuah buku itu ditulis/diterbitkan. Bentuk apakah yang diwakili oleh nombor-nombor berikut :

- i) 02 _____
- ii) 05 _____
- iii) 03 _____

35. Mengikut sistem pengelasan Dewey, bagaimanakah sesuatu karya fiksyen itu diklasikan.

36. Pada pendapat anda mengapakah karya fiksyen diklasikan sedemikian?

37. Jika lebih daripada satu perkara/aspek yang dibincangkan di dalam sesebuah karya (bukan fiksyen), bagaimanakah pengelasan bagi karya tersebut harus diputuskan?.

- i) _____

- ii) _____

- iii) _____

...10/-

38. Berikan 2 fungsi utama katalog koleksi di sebuah Pusat Sumber Sekolah.
- i) _____
- ii) _____
39. Senaraikan 3 jenis kad katalog yang sering digunakan di sebuah Pusat Sumber Sekolah.
- i) _____
- ii) _____
- iii) _____
40. Apakah fungsi maklumat "Trasing" yang terdapat pada kad katalog?
- _____
- _____
41. Apabila sesebuah buku itu tidak berada di tempat yang sepatutnya di atas rak edaran sedangkan buku tersebut tiada di dalam rekod pinjaman, maka secara teknikalnya ia diistiharkan sebagai _____.
42. Berikan dua cara bagaimana keadaan seperti di atas (soalan 41) itu boleh dielakkan.
- i) _____
- ii) _____
43. Berikan 3 kategori kemahiran yang patut ada pada seorang penyelaras Pusat Sumber bagi membolehkannya menjadi penerbit bahan-bahan bukan cetak yang dapat berfungsi secara berkesan membantu proses pengajaran-pembelajaran.
- i) _____
- ii) _____
- iii) _____

44. Senaraikan 3 contoh bahan rujukan tersedia (ready references) yang biasa digunakan di sebuah Pusat Sumber.
- i) _____
 - ii) _____
 - iii) _____
45. Cara paling cepat untuk mendapatkan maklumat/pengertian tentang sesuatu istilah daripada sebuah buku ialah dengan merujuk ke bahagian _____ buku tersebut.
46. Apakah rasional utama program promosi Pusat Sumber?
- _____
47. Senaraikan 4 aktiviti/program yang boleh dijalankan untuk mempromosikan Pusat Sumber Sekolah.
- i) _____
 - ii) _____
 - iii) _____
 - iv) _____
48. Senaraikan 4 jenis perkhidmatan yang boleh diberikan oleh Pusat Sumber Sekolah.
- i) _____
 - ii) _____
 - iii) _____
 - iv) _____

49. Apakah yang anda fahami dengan "Program Sokongan Kurikulum" oleh Pusat Sumber Sekolah.

50. Berikan 3 tujuan utama aktiviti penilaian sebuah Pusat Sumber Sekolah.

i) _____

ii) _____

iii) _____

BAHAGIAN B (Jawab mana-mana DUA (2) soalan sahaja.)

1. Rakyat Malaysia dikatakan sebagai orang-orang yang kurang memiliki tabiat membaca. Sebagai seorang Penyelaras Pusat Sumber Sekolah, bagaimanakah anda merancang satu program bagi meningkatkan tabiat suka membaca di kalangan murid-murid sekolah?
[25 markah]

2. Kadar penggunaan Pusat Sumber Sekolah oleh murid-murid di negara ini diramalkan boleh ditingkatkan jika ia diintergrasikan ke dalam pelaksanaan kurikulum di sekolah. Rancangkan pengajaran bagi satu unit/tajuk di dalam mata pelajaran pilihan anda yang pendekatannya melibatkan penggunaan sumber-sumber di Pusat Sumber Sekolah anda.
[25 markah]

3. Pembelajaran berasaskan sumber dikatakan boleh dijadikan asas bagi memupuk tabiat pembelajaran seumur hidup. Berikan hujah-hujah anda bagi menyokong kenyataan ini.
[25 markah]

4. Kecemerlangan perkhidmatan Pusat Sumber Sekolah banyak dikaitkan dengan kecekapan pentadbirannya. Bincangkan.
[25 markah]